



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul 'Enggan Gunakan Laluan Sikal Sunyi' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 8 Julai 2010.

PPj telah mengambil langkah untuk menguatkuasakan penggunaan lorong motosikal ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kemalangan maut di jalan raya. Sepanjang tempoh penguatkuasaan penggunaan lorong motosikal ini mulai bulan April 2010, PPj sentiasa mengadakan operasi pematuhan tetapi di lokasi-lokasi yang berbeza-beza memandangkan rangkaian laluan motosikal ini agak panjang. Walaubagaimanapun, PPj lebih mementingkan aspek pendidikan terhadap penggunaan lorong motosikal ini melalui kempen kesedaran dan paparan maklumat melalui "Variable Message Sign". Sehubungan itu, PPj akan mempertingkatkan operasi penguatkuasaan ini agar peraturan penggunaan laluan motosikal ini dipatuhi.

Berhubung dengan keadaan lorong motosikal yang didakwa terdapat perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerosakan kepada motosikal, PPj telah mengambil langkah-langkah untuk menambahbaik dan meningkatkan lorong motosikal ini sebelum ianya dibuka kepada orang awam. PPj akan sentiasa memantau laluan motosikal ini sementara kontraktor kebersihan PPj akan sentiasa membersihkan lorong motosikal ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sehubungan itu PPj menyeru orang ramai untuk menggunakan sepenuhnya laluan penunggang motosikal selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kemalangan maut di jalanraya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 10 Julai 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar
Segmen
M/s
Tarikh

: Berita Harian
: Sentral
: 7
: 8 Julai 2010

Oleh A'isyah Sukaimi
aishyah@berita-harian.com.my

'Enggan guna laluan sikal sunyi'

Pengguna anggap membahayakan keselamatan, papan tanda disediakan keliru

PUTRAJAYA: Hangat-bangat tahi ayam. Itulah yang boleh diibaratkan kepada penguatkuasaan penggunaan laluan motosikal di jalan raya sekitar Putrajaya yang kini tidak lagi dipatuhi.

Selepas dilancarkan pengalakan penggunaannya pada 1 April lalu, laluan motosikal di sini, khususnya di Persiaran Timur dan Persiaran Selatan dilihat tidak lagi digunakan sebahagian besar penunggang motosikal.

Tinjauan *Sentral* mendapati, kebanyakan penunggang motosikal lebih rela bergadai nyawa menggunakan laluan besar dan bersaing bersama kenderaan lain seperti kereta, bas dan lori, manakala laluan motosikal disediakan hanya terbiar begitu saja tanpa ada pengguna melaluinya.

Walaupun ada penunggang motosikal menggunakan laluan berkenaan, jumlahnya sedikit berbanding mereka yang menggunakan laluan biasa yang dikhususkan untuk kenderaan lebih besar.

Kakitangan awam, Mohd Zuwairi Shafie, 26, berkata kebanyakan pengguna tidak mahu menggunakan laluan motosikal



PENUNGGANG motosikal di Persiaran Selatan, Putrajaya, tidak lagi menggunakan laluan motosikal selepas penggunaannya dilancarkan pada 1 April lalu.

yang disediakan kerana ia sunyi di sesetengah bahagian dan membahayakan keselamatan, terutama pada waktu malam.

"Walaupun laluan itu disediakan lampu, keadaan sunyi pada waktu malam menjadi faktor

pengguna motosikal tidak mahu menggunakannya lebih-lebih lagi jarak laluan dibina jauh berbanding laluan biasa.

"Saya sendiri tidak pernah menggunakan laluan motosikal kerana keliru dengan papan

tanda disediakan kerana saya bukan orang sini dan tidak faham dengan selok-belok laluan motosikal di Putrajaya walaupun sudah tujuh bulan bekerja di sini," katanya.

Beliau mengakui penguatku-

saan undang-undang mampu mendidik penunggang menggunakan laluan motosikal.

Kakitangan swasta, Rozdi Mohd Mokhtar, 30, berkata beliau sudah lama tidak menggunakan laluan motosikal iaitu

selepas tayar motosikalnya pancit terkena paku di kawasan itu.

"Saya terpaksa menunggu sehingga satu jam untuk memanggil mekanik dan caj yang dikenakan juga sangat mahal sehingga mencecah RM50. Sejak itu, saya tidak mahu menggunakan laluan itu, tambahan lagi ramai penunggang yang tidak ikut peraturan dengan menggunakan laluan biasa.

"Sebahagian besar laluan motosikal di sini sangat sunyi terutama selepas jam 7 petang menjadi faktor penunggang motosikal tidak mahu menggunakannya," katanya.

Beliau mengakui tidak ada penguatkuasaan dilakukan pihak berkuasa menyebabkan penunggang motosikal tidak mengendahkan peraturan.

Penunggang lain, Hazliza Hassan, 41, pula berkata beliau pernah terjatuh motosikal di laluan motosikal beberapa bulan lalu dan menunggu lama untuk mendapat bantuan kerana ia sunyi tidak digunakan orang lain.

AISHAH SUKAIMI/BERITA HARIAN